



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## PEMBINAAN INTERAKSI SOSIAL DALAM TINGKAH LAKU IBU BAPA TERHADAP KANAK-KANAK MELALUI PENDEKATAN NABAWI

*THE DEVELOPMENT OF SOCIAL INTERACTION IN PARENTAL BEHAVIOR  
TOWARDS CHILDREN THROUGH THE PROPHETIC APPROACH*

Abu Dzar Ahmad<sup>1\*</sup>, Nur Afifi Alit<sup>2\*</sup>, Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad<sup>3</sup>, Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia  
Email: abudzar@unipsas.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia  
Email: nurafifi@usim.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia  
Email: ahaiqal@unipsas.edu.my

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Malaysia  
Email: haafiz@unipsas.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 31.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 25.05.2025

Published date: 05.06.2025

#### To cite this document:

Ahmad, A. D., Alit, N. A., Fuad, A. H. F. A., & Azmi, M. H. A. M. (2025). Pembinaan Interaksi Sosial Dalam Tingkah Laku Ibu Bapa Terhadap Kanak-Kanak Melalui Pendekatan Nabawi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 562-572.

### Abstrak:

Perkembangan sosial kanak-kanak terdedah mengikut cara dan acuan dengan budaya setempat terutama orang yang paling hampir. Kanak-kanak cepat meniru segala tingkah laku yang dilakukan oleh mereka yang rapat tanpa berfikir kesannya tentang sesuatu perilaku sama ada bertepatan atau sebaliknya untuk diperlakukan. Statistik melaporkan peningkatan kes penderaan fizikal kanak-kanak tahun demi tahun, yang berkait rapat puncanya dengan pelaku ibu bapa kandung hasil dari interaksi yang tidak berhemah dalam institusi keluarga. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti pendekatan dan cara baginda berinteraksi menggunakan kemahiran sosial baginda dalam percakapan dan tingkah laku. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menggunakan analisis dokumen kepustakaan dalam proses pengumpulan data, dan seterusnya dianalisis kandungan secara tematik, deduktif dan deskriptif. Kajian menemui beberapa pendekatan nabawi di dalam hadith berasaskan pendekatan baginda berinteraksi dengan gaya bahasa yang mendidik. Hasil kajian mendapatkan bahawa pendekatan Nabawi mampu memberi implikasi dalam keharmonian berinteraksi dalam keluarga. Oleh itu, ibu bapa perlu

**DOI:** 10.35631/IJEPC.1058037This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

menyedari hakikat pendidikan pada peringkat awal kanak-kanak merupakan salah satu proses kemenjadian manusia yang kompleks.

**Katakunci:**

Interaksi Sosial, Institusi Keluarga, Penderaan Kanak-Kanak, Pendekatan Nabawi

**Abstract:**

Children's social development is shaped by their local cultural norms particularly through interactions with those closest to them. Children are quick to imitate the behaviours of those around them without fully understanding the consequences or appropriateness of such actions. Statistics have shown a year-on-year increase in cases of child physical abuse, often committed by biological parents, which is closely linked to poor interpersonal interactions within the family institution. This study aims to identify the Prophet Muhammad's approaches and methods of interaction through his social communication skills in speech and behaviour. Adopting a qualitative methodology, this research employs document analysis of classical sources for data collection followed by thematic, deductive and descriptive content analysis. The findings reveal several themes of communicative styles found in the hadith, highlighting the Prophet's educational and nurturing language in his interactions. The study concludes that the Prophetic approach fosters a harmonious environment in family interactions. Therefore, parents must recognise that early childhood education is a crucial and complex part of human development.

**Keywords:**

Social Interaction, Family Institution, Child Abuse, Prophet's Approach

## Pengenalan

Perkembangan sosial mereka dalam tutur kata dan tingkah laku menggambarkan keunikan kanak-kanak berinteraksi secara berperingkat dengan pelbagai kerentak (Saad, 2006). Kanak-kanak yang memiliki keupayaan diri dan cepat mempelajari persekitaran merupakan perkembangan sosial yang baik sekiranya dipupuk dan dididik, perkara tersebut boleh memberi impak dan kesan yang baik ataupun sebaliknya jika tidak dikawal kanak-kanak berinteraksi dengan sekeliling (Yusuf, 2007).

Oleh itu, perkembangan sosial kanak-kanak yang mudah terkesan ialah melalui interaksi ibu bapa keluarga yang dimulakan di dalam rumah di samping mempamerkan tingkah laku mereka dalam berinteraksi. Justeru, perkembangan kanak-kanak yang mudah tiru dan cepat mempelajari sesuatu perlu ditonjolkan tutur kata dan perlakuan yang teladan lebih-lebih lagi pada usia awal kanak-kanak (Aziyah, 2011). Menurut al-Nihlawi (2010), perkembangan sosial seperti berkomunikasi dalam komuniti melibatkan dua hala yang menyentuh dan melibatkan tujuan, memberi idea dan pandangan. Oleh yang demikian, interaksi yang terbesar menyumbang dalam interaksi sosial ialah interaksi yang bermula dalam institusi keluarga. Hal tersebut boleh mendatangkan kesan yang bukan sahaja dalam tutur kata bahkan dalam perlakuan sehingga anak-anak akan menonjolkan naratif yang tidak baik dalam persekitaran mengikut kognitif dan affektif yang diterima (Muhammad Saifullah, 2020).

Oleh demikian, pendekatan dan pembelajaran sosial menerusi interaksi keluarga ialah apabila anak-anak meneladani setiap percakapan dan perlakuan ibu bapa dalam apa yang dipamerkan mereka sehingga terbentuk kelakuan anak-anak mempengaruhi dalam tingkah laku mereka daripada pemerhatian terhadap orang persekitaran (Nur Diyanah & Syaza, 2021).

### Metodologi Kajian

Artikel yang berteraskan kajian kualitatif ini melalui analisis dokumen kepustakaan digunakan menerusi proses pengumpulan data daripada sumber primer dan sekunder. Sumber utama yang dirujuk seperti teks-teks hadis dan fakta olahan yang autentik di samping sumber sekunder seperti jurnal, makalah, surat khabar, kertas kerja dan pembentangan bagi mendapatkan data yang menyeluruh dan dapat memenuhi objektif kajian yang dibentuk. Mankala bagi proses analisis kandungan, pendekatan berbentuk analisis kandungan digunakan melalui analisis secara tematik, deduktif dan deskriptif.

### Tinjauan Literatur

#### **Kemahiran Sosial Interaksi Ibu Bapa terhadap Kanak-kanak**

Interaksi ibu bapa terhadap anak-anak perlu berperanan dalam menghidupkan perbualan dan komunikasi yang berasaskan pendidikan. Hal ini diklasifikasikan berdasarkan peringkat usia kanak-kanak yang paling terkesan dengan persekitaran yang mereka pelajari sama ada kognitif dari segi bahasa percakapan mahupun sudut tingkah laku (Ulwan, 1992). Ibu bapa perlu mewujudkan penerapan yang mendidik kemahiran sosial kanak-kanak pada peringkat awal usia mereka yang mudah terdedah dan terpengaruh dengan persekitaran yang paling hampir. Justeru, memupuk kanak-kanak berinteraksi menggunakan kemahiran yang bersesuaian mengikut kesetaraan umur mereka amat wajar agar transformasi yang berlaku dalam komunikasi keluarga dapat mencerminkan keperibadian ibu bapa yang unggul (Muhammad Saifullah, 2020).

Allah SWT pernah mengungkapkan pendekatan di dalam firman-Nya melalui pendekatan di dalam akl-Quran seperti *qaulan kariman*, *qaulan sadidan*, *qaulan ma'rufa*, *qaulan baligha*, *qaulan layyina* dan *qaulan maisura* (Wahyuningsih, 2008). Oleh itu, menerusi penjelasan di dalam *Tarbiah al-Walad*, sifat percakapan kanak-kanak lebih jujur seperti menyatakan sesuatu dan membuat permintaan. Hal ini kerana kanak-kanak sememangnya bercakap untuk menarik perhatian dan refleksi ibu bapa dalam apa juar keadaan sekalipun. Namun, kerena mereka wajar dilayan dan disambut dengan sebaiknya oleh ibu bapa supaya pembentukan awal percakapan kanak-kanak dapat dipupuk melalui kemahiran berinteraksi secara tidak langsung (Al-Nihlawi, 2010). Pendekatan mengikut tahap umur yang berbeza jangan dipandang enteng oleh ibu bapa malah perlu diamati, antaranya:

#### **Pembinaan Interaksi Sosial Kanak-kanak Usia Lima Tahun**

Sebuah hadis yang dinukilkan daripada Syaddad bin al-Laith r.a berkata, kisah Nabi SAW berinteraksi telah dirakam dalam sebuah hadis di bawah yang bermaksud: Satu hari, baginda Nabi SAW keluar dari rumah dan datang untuk (solat) bersama kami pada waktu solat Isya', Nabi SAW pada ketika itu sedang mendukung Hasan dan Husayn r.a iaitu cucu baginda. Kemudian, Rasulullah SAW mengangkat mereka dan meletakkan kedua-duanya didepan baginda yang sedang solat. Lalu, baru baginda mengangkat takbir (untuk solat). Sehingga baginda melakukan sujud yang panjang di tengah-tengah solatnya. Syaddad berkata: Tatkala

aku mengangkat sedikit kepala aku, aku melihat kedua-dua cucu baginda sedang bermain dan berlegar di belakang ketika baginda dalam keadaan sujud, lantas aku kembali sujud.

Setelah selesai solat ditunaikan, para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau telah melakukan sujud yang sangat panjang ditengah-tengah solatmu. Justeru, kami menyangka sesuatu telah terjadi atau kemungkinan wahyu sedang turun ke atas dirimu. Lalu, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ ذَلِكَ لَمْ يَكُنْ، وَلَكِنَّ ابْنِي ارْتَحَلَنِي، فَكَرِهْتُ أَنْ أُعَجِّلَهُ حَتَّى يَقْضِيَ حَاجَتَهُ.

Maksudnya:

*Tiada apa-apa yang terjadi, tetapi cucuku sedang menunggang (bermain) di belakangku dan aku tidak mahu menganggu dia sehingga mereka merasa puas.*

[Al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, no hadith 1140. Kata Al-Albani: Sahih]

Kewajaran ibu bapa berinteraksi dengan kanak-kanak di awal usia mereka perlu memamahi konsep perbezaan menonjolkan pertuturan dan tingkah laku berdasarkan komperatif usia (Aziyah, 2011). Rentetan itu, kognitif kanak-kanak dari awal usia sehingga mencapai mereka usia dua tahun. Kanak-kanak mula mengenal dan didedahkan dengan sebutan bahasa dan lambang yang mudah. (Piaget, 1926). Oleh itu, perkembangan interaksi kanak-kanak perlu dilihat dan dipraktikkan dari aspek efektif agar mereka ada peningkatan kemahiran sosial dalam interaksi dari semasa ke semasa di samping meninjau kemampuan anak-anak berinteraksi dengan sekeliling (Abidin, 1998). Contoh kemahiran interaksi sosial yang dipaparkan dalam riwayat baginda Nabi SAW bersama anak kepada Abu Talhah iaitu Abu 'Umayr yang ketika itu berada dalam keadaan sedih kerana kematian burung peliharannya. Lalu baginda menyapanya untuk menghilangkan kesedihannya dengan bersabda:

يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ النُّعَيْرُ؟

Maksudnya:

*“Wahai Abu 'Umayr, apa yang telah berlaku kepada Nughayr?” Seekor burung yang dia sentiasa bermain dengannya.* [Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no hadith 6203]

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) menjelaskan bahawa secara realitinya, jolokkan *kunya* itu bukan dimaksudkan perkara sebenar dengan terhadap panggilan terhadap kanak-kanak sedemikian rupa.

### **Pembinaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak Di Awal Usia**

Sebuah kenyataan hadith yang diriwayatkan oleh A'isyah r.a:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسَرِّبُ إِلَيْهِ صَوَاحِبِي يَلْعَبُنَ بِاللَّعِبِ، الْبَنَاتِ الصِّغَارِ.

Maksudnya:

Bahawasa Nabi SAW menghantar beberapa orang kanak-kanak perempuan untuk bermain anak patung denganku. [Ibn Hibban, Al-Ihsan Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban. no hadith 5863. Syuaib al-Arnaout berkata: Sahih]

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (2001), menyatakan bahawa baginda mempunyai cara tertentu untuk bergurau dengan kanak-kanak. Al-Kirmani juga berpandangan mengenai kanak-kanak yang telah menjelak usia lima tahun sudah pandai menggendarikan pertuturan dan bahasa atau bertindak balas sesuatu melalui respon dengan menggunakan simbol atau apa-apa yang

berkaitan. Malah mereka juga boleh memahami dan bertutur dengan fasih dan lancar pada peringkat usia ini. Kelaziman pada umur sebegini, mereka lebih proaktif dalam melakukan apa jua aktiviti seperti berinteraksi dengan barang-barang permainan mereka. Oleh itu, naluri kanak-kanak mereksa sentiasa dipengaruhi persekitaran termasuk meniru gaya bahasa dan tutur kata orang sekitar mereka.

Hal ini bertepatan dengan situasi kanak-kanak pada peringkat usia lima tahun kelazimannya sudah mampu menguasai kosa kata dan tatabahasa berdasarkan perjalanan mereka berinteraksi dalam sosial dari semasa ke semasa. Pada tahap umur sebegini, kanak-kanak sebenarnya sudah mampu memperolehi tatabahasa yang didengarinya dengan persekitaran tempat mereka membesar (Miller, 1981). Justeru, pada ketika ini ibu bapa perlu menyemai dalam interaksi sosial mereka dengan anak-anak menggunakan percakapan yang berakhhlak untuk dipamerkan, melunasi nilai-nilai adab untuk diutamakan serta kewajaran meluangkan masa untuk bermain dengan mereka pada waktu usia sebegini. Hal ini dibimbangi kerana ibu bapa akan terlepas zaman yang sepatutnya mereka melalui interaksi sosial ibu bapa melalui gaya bahasa yang mendidik dengan mendedahkan suasana dan persekitaran berdasarkan kognitif umur mereka (Nur Diyanah & Syaza, 2021).

Sebuah lagi kenyataan yang diceritakan mengenai baginda Nabi SAW berinteraksi dengan seorang budak melalui hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin Abi Salamah r.a:

كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ،

Maksudnya:

Ketika aku budak di bilik Rasulullah SAW pada masa itu, tanganku sering mencapai sekeliling bekas makanan.

Lantas, baginda Nabi SAW bersabda:

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهُ وَكُلْ مِمَّا يِئِنِّكَ وَكُلْ مِمَّا زَالَتْ تِلْكَ طِعْمَتِي بَعْدَ.

Maksudnya:

*Wahai anak kecil, bacalah basmalah ‘Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang’, makanlah dengan tangan kanan kamu, makanlah hidangan yang paling hampir dengan kamu.* [Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no hadith 5376]

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) mengulas berkaitan seorang budak yang dikisahkan itu masih di bawah usia dan belum memahami sepenuhnya dengan apa yang dilihat sekitarnya. Lantaran itu, kanak-kanak pada umur sebegini wajar dipamerkan interaksi yang dapat menerangkan sesuatu secara tersusun, kompleks dan menuruti intonasi mereka. Hal ini memudahkan para ibu bapa dapat berinteraksi dengan mereka mengikut lansdskap tutur kata dan tingkah laku mereka yang separuh matang (Wardyaningrum, 2013). Perkara tersebut telah menarik perhatian dalam sebuah kajian Barat mengenai kanak-kanak yang berusia tujuh sehingga dua belas tahun adalah proses egosentrik akan hilang dari minda kanak-kanak secara beransur dan berperingkat. Justeru, konsep transformasi sama ada tutur kata atau tingkah laku kanak-kanak akan memonopoli keupayaan mereka berfikir secara logik kerana keterbatasan usia dan pengalaman hidup yang berada di peringkat awal (Piaget, 1926).

### Pembinaan Interaksi Sosial Kanak-Kanak Di Penghujung Usia

Abdullah bin Abbas r.a dalam satu peristiwa diceritakan ketika dirinya didatangi Nabi SAW. Katanya: Pada waktu itu sedang aku bersendirian, baginda berpesan dengan aku sesuatu perkara sambil tangannya memegang bahuiku, lalu baginda bersabda:

يَا عَلَامٌ إِنِّي أُعْلَمُكَ كَلِمَاتٍ: احْفَظِ اللَّهَ يَجِدُهُ بُخَاهَكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا  
اسْتَعِنْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ، وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوْ اجْتَمَعْتُ عَلَى أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَنْفَعُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ  
كَتَبَهُ اللَّهُ لَكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَى أَنْ يَضُرُوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ  
الْأَقْلَامُ وَجَقَّتِ الصُّحْفُ.

Maksudnya:

*Wahai anak kecil, sesungguhnya aku (baginda nabi) akan mengajar kamu sebaris ayat: Jagalah Allah (agama) nescaya Allah akan melindungi kamu, jagalah Allah nescaya kamu akan mendapati-Nya berada bersama-sama dengan kamu, apabila kamu meminta, maka mintalah kepada Allah, dan apabila kamu memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allah. Dan ketahuilah sekiranya sekalian umat berkumpul untuk memberikan kamu manfaat nescaya mereka tidak akan dapat melakukannya melainkan dengan izin Allah, dan sekiranya apabila mereka berkumpul untuk memudarangkan kamu, nescaya mereka tidak akan dapat melakukannya melainkan dengan kehendak Allah. Telah diangkat pena-pena dan keringkan lembaran-lembaran. [Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, no hadith 2516. Abu Isa dan al-Albani berkata: Hadith Hasan Sahih]*

Interaksi dan proses tutur kata merupakan kemahiran sosial yang perlu digarab oleh masyarakat khususnya para ibu bapa apabila bertutur atau mempamerkan tingkah laku di hadapan kanak-kanak (Muhammad Saifullah, 2020). Rentetan itu, Ibn Daqiq al-Eid (2008) mengulas satu pesanan menarik baginda kepada Ibn Abbas r.a pada ketika itu usianya masih sangat muda untuk mendengar perkongsian tersebut daripada baginda. Had pemikiran kanak-kanak yang berusia dua belas tahun atau ke bawah mempunyai perkembangan kognitif yang separa kemuncak. Perihal sedemikian akan berterusan sehingga ke penghujung usiamereka enam belas tahun. Pada peringkat pra remaja ini sebenarnya golongan anak muda sudah mampu berfikir secara abstrak dan dinamik dan kompleks yang terkadang bertindak tanpa memikirkan kesan dan implikasi selepas itu (Piaget, 1926). Justeru, pendekatan baginda berinteraksi perlu dilazimkan para ibu bapa agar dapat menyuburkan lagi persefahaman dalam berinteraksi antara satu sama lain dalam keluarga malah boleh menghindarkan anasir yang tidak elok yang boleh menghakis corak percakapan mereka (Wahyuningsih, 2008).

### Hasil Kajian Dan Perbincangan

#### *Perilaku dan Tutur Kata Ibu Bapa di Rumah Boleh Menyumbang Ke Arah Ketirisan Interaksi Sosial dengan Kanak-Kanak*

Realiti hari ini, ibu bapa yang menimbulkan kesan negatif pertuturan dalam keluarga dan persekitaran mereka. Hal ini menyebabkan interaksi sosial tidak dapat diperlakukan secara dinamik dengan melalui kata-kata malahan dilepaskan tutur kata yang tidak sepatutnya dihadapan kanak-kanak (Al-Nihlawi, 2010). Hal ini dibuktikan melalui isu-isu seperti pengabaian terhadap tanggungjawab, termasuk mengambil cakna dan berinteraksi dengan kanak-kanak disebabkan beberapa punca antaranya kemiskinan yang melanda, pergaduhan ibu bapa yang berterusan, penceraian, tiada ruang masa lapang untuk anak-anak, layanan buruk

sama ada dengan tutur kata mahupun perlakuan ibu bapa terhadap anak, ibu bapa yang gemar melepaskan diri dari mendidik anak-anak. Selain daripada itu, beliau juga mengulas mengenai kaedah dan cara untuk mengelakkan pendekatan ibu bapa daripada berlaku ketirisan interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak (Azizi, 2012).

Sebuah keluarga berasaskan anjuran Islam ialah menghidupkan prinsip agama dalam perwatakan ibu bapa berinteraksi dengan anak-anak melalui nilai-nilai dan akhlak yang akan diteladani dan dicontohi. Justeru, dua cabaran besar yang seharusnya dihadapi dan perlu dikendalikan dengan baik oleh ibu bapa iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Dua cabaran tersebut memerlukan kebijaksanaan ibu bapa dalam kesepakatan bersama bagi menempis persekitaran yang negatif daripada menular dan mempengaruhi dalam interaksi keluarga (Aziyah et al, 2011). Oleh itu, cabaran dalaman merupakan cabaran yang perlu diutamakan oleh ibu bapa bagi menjadi benteng kekuatan dalam kanak-kanak sebelum berhadapan dengan cabaran luaran. Seperti membiasakan didikan agama dalam interaksi secara langsung mahupun tidak langsung dan memperkuuhkan lagi hubungan antara ibu bapa dan anak-anak dalam elemen interaksi yang pelbagai topik perbualan dan perbuatan yang bersesuaian mengikut usia dan umur kanak-kanak (Gadut, 2013).

Selain itu, perihal yang perlu diberi perhatian oleh ibu bapa ketika proses interaksi keluarga khususnya dengan kanak-kanak perlu menjaga dan mengelakkan daripada menutur kata-kata kasar dan tengking-menengking walaupun tujuan dan objektifnya adalah untuk menegur perkara-perkara yang wajar (Al-Munajjid, 2014). Hal ini ditekankan juga agar ibu bapa menjauhkan dari elemen-elemen yang boleh membarahkan dalam interaksi dengan kanak-kanak seumpama marah, mengherdik dan menengking anak-anak di hadapan orang yang mereka kenal dan rapat (Al-Farmawi, 2008). Nabi SAW pernah menegaskan di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud r.a yang bermaksud:

*Seseorang mukmin itu bukanlah seorang pemaki hamun, mengutuk, berkata keji dan mempuai lidah yang kotor.*

[Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, no hadith 1977. Al-Albani berkata: Sahih]

### **Pendekatan Nabawi Dalam Interaksi Sosial Keluarga**

Pendekatan Nabi SAW amat menekankan cara dan kaedah baginda berinteraksi dengan para sahabat amat memberi impak positif dan wajar diteladani untuk diimplementasikannya. Elemen unggul tersebut perlu diterap dalam perbualan dan tingkah laku dalam interaksi sosial malahan telah lama dilazimkan oleh baginda Nabi SAW (A'dawiyah, 2011). Interaksi sosial berfokus kepada dua orientasi iaitu orientasi perbualan dan orientasi keakurran. Orientasi perbualan membabitkan dua hala orang yang berbual atau berborak dengan pelbagai dan gaya bahasa yang bebas. Manakala keakurran dan perilaku ini sejajar dengan konteks nilai dan sikap dalam berinteraksi menggunakan bahasa yang pelbagai termasuk keperihatinan orang yang terbabit dalam tutur kata dua hala (Aziyah et al, 2011). Justeru, ibu bapa perlu mewujudkan dalam diri mereka dengan kemahiran sosial dalam berinteraksi supaya mereka selaku ibu bapa bukan sekadar membesar dan menyara anak-anak. Malahan perlu mendengar kanak-kanak menyatakan hasrat dan permintaan mereka, luahan hati dan cerita-cerita yang ingin dikongsi oleh mereka di samping menunaikan permintaan mereka selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip agama. (Wardyaningrum, 2013)

Cara dan kaedah membina interaksi keluarga perlu dipupuk pada peringkat awal di rumah lagi. Hal ini kerana kelompok keluarga merupakan gagasan kecil yang paling rapat dan saling mengenal antara satu sama lain sepanjang hayat bahkan memberi implikasi yang berpanjangan (Brommel & Galvin, 1986). Oleh itu, ibu bapa wajar meningkatkan pelbagai pendekatan berasaskan pendekatan nabawi untuk interaksi dengan kanak-kanak. Pendekatan yang dimaksudkan seperti membina pendekatan mendengar tanpa mencelah, pendekatan bertanya sesuatu, pendekatan mempamerkan reaksi tenang meskipun dalam keadaan yang tidak dikawal, pendekatan bermain teka-teki di samping berkongsi nasihat dan banyak lagi pendekatan yang dianjurkan oleh baginda Nabi SAW (Saad, 2006). Oleh demikian, tiga contoh pendekatan nabawi adalah seperti berikut:

1) Interaksi Ibu Bapa dengan Kanak-Kanak dipandu dengan Tingkah Laku

Abdullah bin Umar r.a mengisahkan melalui sebuah riwayat, Nabi SAW memakai sebentuk cincin yang diperbuat daripada emas dalam beberapa detik, kemudian baginda mencampakkannya, lantas baginda Nabi SAW membuang cincin itu dengan mengatakan bahawa baginda tidak akan memakai cincin itu sampai bila-bila. Justeru, para sahabat yang melihat kejadian tersebut bertindak mencampakkan cincin yang mereka pakai.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no hadith 5867]

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) menjelaskan bahawa tutur kata dan tingkah laku baginda adalah selari dan berpandu berdasarkan kehendak agama. Berinteraksi secara praktikal adalah lebih efektif dan berkesan kepada orang yang mendengar dalam menerangkan sesuatu perkara dan keadaan sebagaimana pandangan al-Nawawi dan Qadi Iyyad mengenai keterangan hadith yang diulas oleh Ibn Battal, katanya ramai orang yang menyaksikan peristiwa cincin emas yang dipakai hanya beberapa detik oleh baginda dan dicampakkan serta-merta oleh baginda sendiri atas dasar ingin menyatakan ketegasan prinsip agama dari sudut interaksi baginda secara praktikal dan ditunjukkan dalam perilaku iaitu haram bagi kaum lelaki untuk memakainya. (Al-Munajjid, 2014).

Interaksi ibu bapa dengan kanak-kanak yang aktif dan nakal, tidak boleh duduk diam dan terlalu aktif memerlukan solusi segera ibu bapa dalam merumuskan interaksi sosial mereka agar keadaan dapat terkawal di luar rumah di samping membendung kanak-kanak dengan cara mempelbagaikan interaksi dalam tingkah laku ibu bapa supaya kanak-kanak tersebut boleh menuruti kata-kata ibu bapa tanpa disuruh (Nur Diyanah & Syaza, 2021). Oleh itu, Islam amat mendorong agar institusi keluarga dapat membina interaksi sosial mereka dari rumah keluarga supaya seisinya dapat menjalani kehidupan bermasyarakat di luar rumah dengan lebih efisien dan komprehensif baik berteraskan pendekatan nabawi (A'dawiyah, 2011).

2) Interaksi Sosial dengan Memaparkan Wajah bersahaja Semasa Berlaku Pergaduhan

Nabi SAW terkadang tidak perasan dan nampak yang disengajakan dibuat ketika terjadi satu peristiwa persengketaan di antara dua orang sahabat. Sebuah riwayat daripada Sulayman bin Sard r.a berkata:

كُنْتُ جَالِسًا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجُلًا يُسْتَبَانٌ فَأَحْدُهُمَا أَحْمَرُ وَجْهٌ وَأَنْتَفَحَتْ أُوْدَاجُهُ .

Maksudnya:

Ketika aku sedang duduk berhampiran dengan baginda, terdapat dua orang saling mencela di antara satu sama lain sehingga menyebabkan raut wajah salah seorang

dari pada mereka bertukar menjadi merah padam dan urat leher seorang lagi menegang". Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا لَأَعْلَمُ كَلِمَةً لَوْ قَالَهَا ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَحْدُثُ لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَحْدُثُ.

Maksudnya:

*Sesungguhnya aku mengetahui satu perkataan yang dapat menghilangkan apa yang terbuku di lubuk hati kalian sekiranya kalian berkata: Aku berlindung dengan nama Allah daripada syaitan, nescaya akan hilanglah perasaan yang terbuku di dalam hati kalian.*

Tambahan baginda dalam sabdanya lagi:

تَعَوَّذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ،

Maksudnya:

*Mintalah perlindungan dengan Allah daripada perbuatan syaitan.*

Lelaki itu berkata:

فَقَالَ: وَهَلْ بِي جُنُونٌ؟

Maksudnya:

Adakah aku ini gila? (kerana dia menyangka, hanya perlu meminta perlindungan daripada syaitan sahaja). [Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no hadith 3282]

Perkara yang perlu diambil cakna ialah apabila hendak menangani pertelingkahan, pergaduhan, pertengkaran dan apa jua istilah yang melibatkan perbalahan antara kanak-kanak ialah pendekatan buat-buat tidak perasan dalam masa yang sama tidak menengking dan memarahi mereka lebih-lebih lagi dihadapan orang luar. Kaedah menangani pergaduhan kanak-kanak dengan cara melayan kanak-kanak yang bertekak itu dengan memandang dari jauh tanpa berkata-kata di samping menegur dengan berhemah selepas pergaduhan antara mereka telah terlerai (Al-Munajjid, 2014). Oleh itu, interaksi sosial ibu bapa perlu meneliti keseluruhan situasi dan keadaan masalah yang berlaku sebelum mengambil tindakan bahkan tindakan ibu bapa juga perlu bijak seperti tenang dengan wajah yang bersahaja. Kemudian, menjauhkan diri daripada bersikap pilih kasih dalam memutuskan sesuatu perkara terhadap hal kanak-kanak. Selanjutnya, dekati mereka dan berbuallah dengan kanak-kanak untuk menghilangkan hening suasana yang suram di rumah sebaik mereka faham dan sedar yang mereka dalam keadaan yang perlu ditegur (Yusuf, 2007).

## Kesimpulan

Pembinaan interaksi sosial ibu bapa dalam keluarga wajar dipandu pendekatan nabawi bahkan dianjurkan agama. Pendekatan nabawi dalam berinteraksi dapat melahirkan generasi kanak-kanak yang cepat memahami dan matang dalam kehidupan. Penekanan interaksi tersebut mampu mengurangkan risiko masalah jenayah moral ketika mereka melangkah alam remaja khususnya. Oleh itu, ibu bapa perlu menyemai interaksi bahkan mereka yang perlu memulakan langkah perbualan, percapan dan menunjukkan tingkah laku menggunakan pendekatan *uslub* Nabi SAW bermula di awal usia kanak-kanak sehingga mereka terbina operasi tutur kata secara formal dan berprinsip pada waktu mereka berdikari sendiri. Dapatkan kajian ini menjadi panduan kepada institusi keluarga dalam membentuk suasana kekeluargaan yang lebih harmoni mengikut acuan yang telah dianjurkan oleh Rasulullah SAW, selain memberi input signifikan kepada pihak berautoriti dalam merangka keperluan pembentukan keluarga penyayang seperti melalui dasar kerajaan yang berfokus.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, Pahang atas kebenaran dan sokongan terhadap penyelidikan yang menghasilkan artikel ini.

### Rujukan

- A'dawiyah Ismail. (2011). Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah*, (3), 121-144.
- Abidin Ibn Rusn. (1998). Pemikiran al-Ghazali tentang Pendidikan. Yogyakarta: Pustaka Murid.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastani. (1998). *Sahih Abu Dawud*. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail. (2004). *Sahih al-Bukhari*. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Al-Farmawi, Umar Muhammad Abd al-Mun'im al-Farmawi. (2008). *al-Kaba'ir wa Atharuha ala al-Fard wa al-Mujtama fi Daw' al-Sunnah al-Nabawiah*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Al-Munajjid, M. S. (2014). *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismail. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Syuaib bin Ali al-Nasa'i. (1998). *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Saudi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi.
- Al-Nihlawi, Abd al-Rahman. (2010). *Usul al-Tarbiah al-Islamiah wa Asalibiha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Al-Tirmidhi. (2000). *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Saudi: Maktabah al-Maarif li Nasyr wa al-Tauzi.
- Aziyah Abu Bakar, Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Hasniza Che Noh & Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2011). Hubungan Komunikasi Keluarga Dalam Menangani Konflik Dalam Kalangan Remaja. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 13 (1), 1-14.
- Azizi Yahya et.al. (2012). *Penyelewengan Tingkah Laku Remaja, Punca dan Rawatan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Brommel, Bernard J & Galvin, Kathleen M. (1986). *Family Communication, Cohesion and Change*. USA: Foresman & Company.
- Gadut, N. (2013). *Kertas Kerja: Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti*. Artikel Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Penerbit Universiti Malaya.
- Ibn Daqiq al-Eid. (2008). *Syarah al-Arbain al-Nawawiah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nawawiah*. Beirut: Dar Ibnu Hazm. Hlm.
- Ibn Hajar al-Asqalani. (2001). *Fath al-Bari bi Syarah Sahih al-Bukhari*. Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan Ibn Abd al-'Aziz al-Saud.
- Ibn Hibban, Abu Hatim, Muhammad bin Hibban al-Busti. (1988). *Al-Ihsan Sahih Ibnu Hibban biTartib Ibnu Balban*. Penilai: Syu'aib al-Arnaout. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Miller, A. (1981). *The Drama of The Gifted Child*. HI., 7-9. United States: Basic Books.
- Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir & Rahim Kamarul Zaman. (2020). Interaksi Sosial Terhadap Kanak-Kanak: Teori dan Aplikasi Nabawi Berdasarkan Hadis Ya Aba Umayr. *Jurnal Rabbanica*, Vol. 1 (1), 67-87.
- Muslim, Abu al-Husyan Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. (2008). *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.

- Nur Diyanah Hasan & Syaza Hazwani Zaini. (2021). Penerapan Kemahiran Sosial Terhadap Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Main Peranan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol. 10 (1), 25-40.
- Piaget, J. (1926). *The Language and Thought of the Child*. New York: Harcourt Brace & Company.
- Saad al-Din, Iman Abd al-Mukmin. (2006). *Meneladani Akhlak Nabi*. Terj: Dadang Sobar Ali. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ulwan, Abdullah Nasih. (1992). *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Jil, 2, Hlm, 606. Mesir: Dar al-Salam li Taba'ah wa al-Nasyar wa al-Tauzi.
- Wahyuningsih, E. S. (2008). Pengaruh Komunikasi Keluarga Terhadap Kenakalan Remaja (Studi Kasus di Kelurahan Tamansari, Kerjo, Karanganyar). Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Agama Islam, Jurusan Pendidikan Agama Islam (Tarbiyah), Universitas Muhammadiyah Surakarto, Indonesia.
- Wardyaningrum, D. (2013). Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik dalam Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik dalam Keluarga: Orientasi Percakapan Dan Orientasi Kepatuhan. Vol. 2, No. 1. Jakarta: *Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Pranata Sosial (Universitas Al-Azhar Indonesia)*.
- Yusuf, S. (2007). Psikologi perkembangan anak dan remaja. Bandung: Remaja Rosdakarya.